KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 16/02/21

PEGAWAI PENYEMAK : ....................

ADAM BIN ABDUL HAI
Unit Baitul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 22/3/2021

DIBACA PADA 26/3/2021

DILULUSKAN OLEH : ....................

BAHARODIN HJ. ALWI
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

# KHUTBAH JUMAAT
# PERTAMA DAN KEDUA

**12 SYAABAN 1442H/ 26 MAC 2021M**

## MENJAUHI MUAMALAT YANG TERLARANG

Disediakan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- **Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah** menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali**.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yng dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkatan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit
- Sebaik-baiknya khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan.

# MENJAUHI MUAMALAT YANG TERLARANG

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلهِ الْقَآئِلِ :

يَوۡمَ لَا يَنفَعُ مَالٞ وَلَا بَنُونَ ٨٨ إِلَّا مَنۡ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلۡبٖ سَلِيمٖ ٨٩

أَشْهَدُ أَنْ لآ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللهِ ، اتَّقُوااللَّهَ ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاىَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ

**Muslimin yang dirahmati Allah sekelian,**

Saya berpesan buat diri saya dan sidang jemaah sekalian, agar, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhanNya, dan menjauhi segala laranganNya, serta saling ingat mengingatkan tentang mulianya kebenaran dan mulianya kesabaran. Moga-moga kita semua beroleh keberkatan hidup di dunia ini dan kebahagiaan abadi di Akhirat kelak. Tajuk khutbah minggu ini ialah ‘**Menjauhi Muamalat Yang Terlarang**’.

**Ma’asyiral Muslimin rahimakumullah,**

Allah SWT telah mengizinkan kita untuk hidup di dunia ini, dengan tujuan beribadat serta mentauhidkanNya. Beribadat yang dimaksudkan melalui cara memakmurkan bumi ini. Di antara syarat memakmurkan bumi ini ialah dengan hidup bertamadun, bermasyarakat, dan saling bantu-membantu ke arah kebaikan.

Salah satu cara yang membolehkan sesebuah masyarakat hidup dengan makmur melalui berniaga. Pada zaman dahulu, orang berniaga dengan sistem tukarganti barang, menggunakan wang emas dan perak, terpaksa keluar rumah ke pasar untuk mendapatkan barang yang diperlukan. Sesuai dengan peredaran zaman dan kecanggihan teknologi yang dikurniakan Allah SWT, hari ini berniaga hanya di hujung jari. Kesemua ini adalah nikmat Allah yang wajib disyukuri.

**Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,**

“Muamalat” bermaksud segala bentuk transaksi harta, dan apa yang berkaitan dengannya, seperti jualbeli, sewa, hutang, pajakgadai, tempahan dan seumpamanya. Hukum asal bagi “Muamalat” ialah ***harus*** berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa, ayat 29:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَأۡكُلُوٓاْ أَمۡوَٰلَكُم بَيۡنَكُم بِٱلۡبَٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن تَرَاضٖ مِّنكُمۡۚ

وَلَا تَقۡتُلُوٓاْ أَنفُسَكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِكُمۡ رَحِيمٗا ٢٩

**Mafhumnya:** *“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.”*

Unsur utama dalam Muamalat yang sah menurut Islam ialah berlaku adil dan berasaskan dasar suka sama suka yakni sukarela. Keadilan merupakan tuntutan Islam, dan tuntutan akal yang sihat. Islam melarang seluruh transaksi harta yang berasaskan kezaliman dan paksaan. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah ali-Imran ayat 57 yang bermaksud: *“…dan (ingatlah), Allah tidak suka kepada orang-orang yang zalim”.*

**Saudara-saudaraku yang dihormati,**

Allah tidak mencintai mereka yang **bersikap zalim**. Sebagai contoh, seseorang peniaga tidak boleh memaksa pembeli untuk membeli. Begitu juga, seorang pembeli tidak boleh mengugut penjual untuk menjualkan sesuatu barang itu hanya kepadanya sahaja, dengan ugutan yang memudaratkan diri atau harta penjual. Muamalat sebegini adalah zalim dan bertentangan dengan misi Islam yang menginginkan masyarakat hidup aman dan tenteram memakmurkan bumi ini.

**Jemaah Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Di antara “Muamalat” yang terlarang seperti mengamalkan **riba**, iaitu seseorang **mengambil keuntungan bukan dengan cara yang hak**. Riba hukumnya **haram**. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275:

... وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلۡبَيۡعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰاْۚ ...

**Mafhumnya:** *“…Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba...”*

Nabi SAW juga pernah bersabda bahawa, *“Rasulullah melaknat orang yang memakan riba, orang yang memberi makan (riba), orang yang menulis (akad transaksi itu), dan dua saksinya.”* (HR Muslim)

**Jemaah jumaat yang dikasihi Allah sekalian,**

Selain daripada riba, muamalat yang terlarang ialah **menipu** di dalam jualbeli kerana ia amat bertentangan Islam. Islam menganjurkan kita berlaku amanah dan mencegah melakukan perbuatan khianat atau menipu.

Allah SWT mengkhususkan sebuah surah menyatakan celanya perbuatan menipu dalam jualbeli ini dalam Surah al-Mutaffifin ayat 1-4. FirmanNya,

وَيۡلٞ لِّلۡمُطَفِّفِينَ ١ ٱلَّذِينَ إِذَا ٱكۡتَالُواْ عَلَى ٱلنَّاسِ يَسۡتَوۡفُونَ ٢ وَإِذَا كَالُوهُمۡ أَو وَّزَنُوهُمۡ يُخۡسِرُونَ ٣
أَلَا يَظُنُّ أُوْلَٰٓئِكَ أَنَّهُم مَّبۡعُوثُونَ ٤

**Maksud:** *“Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan),Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya*

*dengan cukup,Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi.Tidakkah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan (hidup semula sesudah mati)?”* (Surah al-Mutaffifin, 1-4)

Rasulullah SAW juga bersabda*, “Sesiapa yang menipu, bukanlah daripada golonganku.”* (HR Muslim)

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

Sebagai kesimpulan, khatib ingin berpesan agar marilah kita bersama-sama bermuhasabah diri dan cakna akan sumber duit dan harta yang masuk dan mandarah daging dalam tubuh badan kita. Harta dan rezeki yang halal, sepertimana difahami daripada sabda Nabi Muhammad SAW, adalah asbab kepada keberkatan hidup, dan doa yang mustajab. Manakala harta serta rezeki yang terhasil daripada perbuatan maksiat seperti berlaku zalim, riba dan menipu jelas membawa kepada kefasadan dan haram hukumnya. Nauzubillahi min zalik

Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat 161:

وَأَخۡذِهِمُ ٱلرِّبَوٰاْ وَقَدۡ نُهُواْ عَنۡهُ وَأَكۡلِهِمۡ أَمۡوَٰلَ ٱلنَّاسِ بِٱلۡبَٰطِلِۚ وَأَعۡتَدۡنَا لِلۡكَٰفِرِينَ مِنۡهُمۡ عَذَابًا أَلِيمٗا ١٦١

Maksudnya: *“Dan juga (disebabkan) mereka mengambil riba padahal mereka telah dilarang melakukannya, dan (disebabkan) mereka memakan harta orang dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya). Dan (ingatlah) Kami telah menyediakan bagi orang-orang yang kafir di antara mereka, azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالقُرْآنِ العَظِيْمِ وَنَفَعَنِى وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ العَلِيْمُ اَقُولُ قَوْلِى هَذَا وَاَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ العَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَاۤئِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالمُسْلِمَاتِ وَالمُؤْمِنِيْنَ وَالمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمِ.

# تيكس خطبة كدوا

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

أَشْهَدُ اَنْ لاَّ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهَ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهَ ، اِتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلاَةِ وَالتَّسْلِيْمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيْمِ، فَقَالَ اللَّهَ تَعَالَى:

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّ ۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ صَلُّوا۟ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ.

آمين آمين يَا رَبَّ العَالَمِيْنَ،

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَآءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالسَّلاَمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّايِمَةَ وَأَنْ تَشْمُلَ بِعِنَايَتِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّيِسِ الأَعْلَى توان يغتراوتام يغدفرتوا نكري سابه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَايِرَ بِلاَدِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ.

اَللَّهُمَّ ادْفَع عَنَّا الْبَلاَءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحَنَ وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٍ. اَللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّءِ الأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mematuhi SOP yang disediakan MKN dan KKM bagi membendung penyebaran Covid-19 yang sememangnya telah berada dalam komuniti kami. Sesungguhnya kepadaMu juga tempat kami memohon perlindungan.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

۞ إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ٩٠

فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

****

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU.
**Tel: 088-522142**

Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkat kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.